

Pemindahan haiwan dari hutan di Empangan Chereh, Kuantan

■ Kakitangan Perhilitan negeri membuat perangkap kayu, racit dan jerat yang digunakan untuk menangkap binatang seperti pelanduk, landak dan burung kuang.

■ Program konservasi biodiversiti menyelamatkan, menangkap dan kawalan gangguan hidupan liar dibahagikan kepada kumpulan tangkapan, pemantauan dan pemindahan.

■ Selain menangkap binatang kecil, Perhilitan juga berusaha menangkap gajah, tapir dan seladang yang kesan masih berkeliaran di kawasan hutan.

■ Perhilitan menangkap semua binatang yang terperangkap diatas pulau bagi memastikan binatang berkenaan tidak mati kelaparan terutama selepas kehabisan sumber makanan.



KEPAKARAN kakitangan Perhilitan menangkap haiwan seperti gajah untuk dipindahkan ke habitat baru bagi mengelak daripada mati atau pupus.

Haiwan dipindah ke habitat baru elak terperangkap di Empangan Chereh

B.H 28/09/09 M/S 29

PENEROKAAN kawasan hutan untuk tujuan pembangunan termasuk empangan akan mengundang kepada kemusnahan habitat hidupan pelbagai spesies binatang yang menghuni kawasan berkenaan secara semula jadi.

Episod haiwan mati pasti akan berlaku sekiranya usaha meminangkannya secara manual tidak dilakukan mengikut jadual terlebih dulu oleh agensi bertanggungjawab.

Kepakaran dimiliki, meletakkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sebagai agensi bertanggungjawab melakukan operasi menangkap seterusnya memindahkan haiwan ke habitat baru.

Pembinaan Empangan Chereh, Kuantan seluas 1,620 hektar kawasan hutan meletakkan tanggungjawab Perhilitan negeri melakukan tugas menangkap binatang yang terperangkap di lapan pulau. Operasi menyelamat bermula tiga tahun lalu itu hanya akan berakhir tahun depan terutama selepas semua binatang berjaya ditangkap seterusnya dipindahkan ke habitat asal.

Pengarahnya, Khairiah Mohd Shariff, berkata operasi berkenaan menumpukan kepada usaha menangkap semua jenis binatang kecil dan besar yang terperangkap di hutan yang kini menjadi pulau. Operasi menyelamat binatang kini lebih tertumpu di lima kawasan hutan yang menjadi pulau selepas paras air di empangan berkenaan naik secara berperingkat.

Beliau berkata, sehingga kini pihaknya berjaya menangkap lebih 150 pelanduk, landak dan burung kuang dengan menggunakan 100 perangkap kayu dan besi yang dipasang di semua lima pulau. Mereka menggunakan kepakaran beberapa kakitangan untuk membuat perangkap kayu, racit dan jerat

yang digunakan untuk menangkap binatang seperti pelanduk, landak dan burung kuang.

“Kita juga menggunakan khidmat masyarakat Orang Asli untuk tujuan memanggil burung kuang sebelum haiwan berkenaan terkena jerat yang dipasang di kawasan tertentu. Bagi menangkap landak, kita terpaksa menggunakan perangkap besi dengan umpan nangka.

“Semua binatang yang berjaya ditangkap akan disimpan selama sebulan dalam kurungan khas sebelum dilepaskan ke kawasan rizab hidupan liar selain dihantar ke pusat konservasi Perhilitan di Perlis dan Selangor,” katanya.

Khairiah berkata, selain menangkap binatang kecil, pihaknya juga berusaha menangkap gajah, tapir dan seladang yang masih berkeliaran di kawasan hutan di situ. Siasatan dilakukan mendapati ada antara 10 hingga 15 gajah yang bergerak dalam lima kumpulan, selain dua tapir dan lima seladang yang sentiasa bergerak.

Selain operasi secara bulanan yang disertai antara tujuh hingga 15 kakitangan Perhilitan daerah, operasi secara bersepadu yang membabitkan lebih 60 kakitangan seluruh negeri turut diadakan. Program konservasi biodiversiti menyelamat, menangkap dan kawal gangguan hidupan liar yang diadakan itu dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abd Rasid Samsudin, baru-baru ini.

Program berkenaan dibahagikan kepada kumpulan tangkapan, pemantauan dan pemindahan. Selain didedahkan dengan tugas yang dianggap baru, kakitangan juga berpeluang mempelajari teknik membuat perangkap kayu selain teknik memanggil burung kuang.



ABD Rasid diiringi Khairiah (kanan) melihat landak yang berjaya ditangkap, Julai lalu, di kawasan Empangan Chereh, Kuantan.

“*Semua binatang yang berjaya ditangkap akan disimpan selama sebulan dalam kurungan khas sebelum dilepaskan ke kawasan rizab hidupan liar*”

Khairiah Mohd Shariff
Pegawai Perhilitan Pahang

Beliau berkata, Perhilitan akan berusaha menangkap semua binatang yang terperangkap di atas pulau bagi memastikan binatang berkenaan tidak mati kelaparan terutama selepas kehabisan sumber makanan.

Binatang besar seperti gajah perlu ditangkap bagi mengelak haiwan berkenaan memusnahkan ladang kelapa sawit di kawasan Felda yang terletak berhampiran dengan empangan. Tahun lalu Perhilitan berjaya menangkap seekor gajah selepas haiwan berkenaan memusnahkan pokok kelapa sawit di Kampung Nadak, di situ.

“Di kawasan hutan empangan Chereh, ada 15 spesies binatang kecil dan 10 spesies binatang besar bergerak bebas di lima pulau kecil yang terbentuk selepas paras air naik. Saya akan memastikan semua binatang terperangkap di kawasan hutan empangan berkenaan dapat diselamatkan secara berperingkat seterusnya dipindahkan ke habitat semula jadi.

“Dengan jumlah kakitangan yang ada, saya yakin usaha menyelamat binatang akan menemui kejayaan yang diharapkan,” katanya yang yakin lebih banyak binatang akan dapat ditangkap.